

MDEC tawar geran, insentif syarikat teknologi

Oleh Mohd Zaky Zainuddin - Ogos 26, 2021 @ 11:14am
zaky@bh.com.my

**BH**
ONLINE

Gopi Ganesalingam. - NSTP/Nurul Shafina Jemenon.

KUALA LUMPUR: Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), menawarkan Geran Teknologi Global (GTG) yang menawarkan dua insentif kepada syarikat teknologi dan pemacu teknologi.

MDEC dalam satu kenyataan, berkata bagi insentif syarikat teknologi, GTG menyasarkan untuk membantu meningkatkan keupayaan syarikat teknologi tempatan yang telah bersedia untuk menerokai pasaran global buat pertama kali.

"Insentif ini juga membantu syarikat teknologi mengembangkan kehadiran ke pasaran global sedia ada menerusi inovasi teknologi dan pengkomersilan produk dan perkhidmatan dipacu-pasaran.

"Tujuan utamanya adalah untuk memacu potensi unicorn Malaysia yang sedang dalam pembikinan "Geran ini membiayai sehingga 50 peratus daripada keseluruhan kos projek atau sehingga RM2 juta, yang mana terendah, untuk syarikat milik tempatan. Bagi syarikat milikan asing, geran berkenaan membiayai sehingga 30 peratus daripada keseluruhan kos projek atau sehingga RM2 juta," katanya.

Bagi insentif pemacu teknologi, MDEC berkata, GTG menyasarkan syarikat teknologi asing untuk membuka Pusat Kecemerlangan bagi menjalankan inovasi teknologi bernilai tinggi dan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang menerajui pembangunan dan pengkomersialan produk dan perkhidmatan dipacu pasaran untuk pasaran global, selain menyumbang kepada pembangunan ekosistem.

"Geran ini membiayai sehingga 30 peratus daripada keseluruhan kos projek, yang mana terendah," katanya.

MDEC menjelaskan, GTG adalah inisiatif yang bermatlamat untuk memupuk juara global, mendorong pelaburan dan pemangkin ekosistem inovasi digital menerusi pembangunan dan pengkomersialan produk serta perkhidmatan dipacu pasaran.

"Objektif GTG adalah untuk menyokong peningkatan syarikat teknologi ke dalam arena global dengan cara memperkasa inovasi, pembangunan dan pengkomersialan pengganggu atau inovasi produk dan perkhidmatan.

"Geran berkenaan berfungsi untuk membantu R&D, meningkatkan peruntukan perkhidmatan R&D, pembangunan teknologi baharu, penubuhan Pusat Kecemerlangan dan mencipta produk dan perkhidmatan dipacu baharu ke pasaran global," katanya.

Agensi utama yang menerajui agenda transformasi digital negara itu berkata, GTG juga berperanan menyokong inisiatif pembangunan ekosistem berimpak tinggi.

Katanya, ia termasuk pembangunan ekosistem penggiat yang secara langsung menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi digital seperti mewujudkan pekerjaan baharu, pengembangan eksport dan pelaburan serta pembangunan bakat yang kesemuanya berada di bawah fokus MDEC.

GTG terbuka kepada syarikat tempatan dan milikan asing.

Bagi memohon GTG, syarikat mesti ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 atau Akta Syarikat 2016; memiliki modal terbitan dan berbayar minimum sebanyak RM20,000; dan minimum 51 peratus ekuiti dipegang oleh rakyat Malaysia.

Bagi syarikat yang kepentingannya dipegang oleh syarikat lain, peraturan sama tetap terpakai.

Kelayakan untuk syarikat milikan asing pula adalah syarikat mestilah ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Syarikat dengan modal terbitan dan berbayar minimum sebanyak RM500,000. Syarikat mestilah beroperasi sekurang-kurangnya setahun.

Geran Teknologi Global dibuka untuk permohonan esok, bermula dengan sesi penerangan maya.

Tarikh tutup permohonan adalah pada 15 September 2021, dengan penilaian dan kelulusan akan selesai pada Oktober.

Fasa pelaksanaan projek dijangka bermula pada November dan Disember.

Naib Presiden Teknologi Ekosistem dan Globalisasi MDEC, Gopi Ganesalingam, berkata dalam usaha untuk bersaing dalam pasaran global yang semakin berkembang, syarikat teknologi Malaysia perlu memiliki inovasi, idea dan produk yang relevan di peringkat global.

"Satu cara untuk melakukannya adalah mewujudkan ekosistem yang menyokong R&D dan inovasi.

"Malaysia memiliki persekitaran R&D yang rancak – kita berada di kedudukan kelapan untuk Negara Paling Berinovasi di kalangan Ekonomi Asia dalam Indeks Inovasi Global 2020 oleh World Intellectual Property Organisation (WIPO).

"Justeru, amat penting untuk kita terus mengekalkan kerancakan ekosistem ini," katanya.

Ganesalingam berkata, GTG menyasarkan untuk memupuk juara global dalam kalangan pemain inovasi tempatan dengan membolehkan mereka membangun dan mengkomersialkan inovasi produk atau perkhidmatan dipacu pasaran.

"Ini akan memberi impak berkesinambungan iaitu membawa kepada peningkatan pendapatan eksport, meningkatkan kemahiran pengasas dan bakat tempatan, dan melonjakkan pelaburan digital yang menyumbang kepada matlamat yang telah ditetapkan dalam Rangka Kerja Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) dan visi Malaysia untuk menjadi Nadi Digital ASEAN," katanya.